

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH  
BINTI ANWAR  
(LEMBAH PANTAI)**

**SOALAN:**

**Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan statistik anggota ketenteraan yang terlibat dalam kegiatan IS.**

**JAWAPAN:**

**Sehingga kini terdapat seramai 7 anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) terlibat dengan kegiatan militan IS. 4 anggota telah dijatuhkan hukuman sekatan dan diletakkan dalam pengawasan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tempoh antara dua hingga tiga tahun di bawah Seksyen 15 Akta Pencegahan Jenayah 1959 sementara 3 anggota telah dijatuhkan hukuman penjara tujuh hingga sembilan bulan di bawah Seksyen 130 JB (1) (a) Kanun Keseksaan.**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN  
ABBAS**

**[TELOK KEMANG]**

**SOALAN :**

**Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [ Telok Kemang ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan :-**

(a) keperluan Kerajaan menarik rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara agar pulang berkhidmat di Malaysia dalam bidang-bidang tertentu; dan

(b) anggaran kekosongan jawatan dalam negara yang memerlukan kepakaran anak-anak Malaysia yang sekarang sedang bertugas di luar negara.

**JAWAPAN : YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Malaysia berada dalam kalangan negara yang mencatat kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tertinggi di rantau ini secara konsisten. Pelaksanaan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) terus berusaha menumpukan kepada segenap aspek ekonomi dan sosial dalam memastikan Malaysia terus maju secara inklusif dan mampan.
2. Menurut laporan *Malaysia Economic Monitor: Boosting Trade Competitiveness* yang dikeluarkan oleh Bank Dunia pada Jun 2014 dan menerusi kajian Grant Thornton (2013), sebanyak 62% daripada syarikat di Malaysia mempunyai kesukaran mencari tenaga kerja yang mempunyai kemahiran yang sepadan, manakala baki 48% peratus mengenal pasti kekurangan bakat sebagai kekangan untuk pertumbuhan masa depan. Kajian lain menunjukkan bahawa takungan bakat dalam negara tidak memenuhi kriteria kebolehpasaran yang diperlukan industri seperti kemahiran *soft skills*, pemikiran analitikal, penyelesaian masalah dan komunikasi.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Menyedari keadaan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Negara 2015-2025, yang menggariskan penekanan dan penumpuan pembangunan kebolehpasaran graduan dalam negara. Pelan Pembangunan ini digubalkan secara holistik bagi menambahbaik kualiti graduan yang bakal dihasilkan selaras dengan keperluan dan permintaan industri.
4. Secara keseluruhannya, Kerajaan telah menumpukan usaha memperkasakan modal insan dan guna tenaga dalam negara menerusi pelbagai inisiatif dan pelaksanaan pelbagai program sedia ada. Selaras dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020, cabaran utama negara adalah untuk mengukuh serta melahirkan tenaga mahir dan profesional dalam Malaysia itu sendiri.
5. Fenomena *global war for talent* jelas menunjukkan bahawa kepakaran Malaysia kini juga mendapat perhatian dan permintaan tinggi di pasaran global. Kedudukan Malaysia bukanlah unik memandangkan masalah penghijrahan cerdik pandai turut dihadapi oleh semua negara khususnya negara-negara yang sedang membangun serta stok modal insan berkepakaran sedia ada tidak terhakis dan dapat dikekalkan melalui metodologi pembangunan insan yang komprehensif.
6. Justeru, fenomena migrasi modal insan tidak semestinya negatif tetapi mempunyai potensi positif, khususnya dalam menarik pulang rakyat Malaysia yang berkepakaran tinggi serta membina

jaringan kepakaran sebagai saluran untuk mempromosi produk dan perkhidmatan Malaysia di luar negara.

7. Kerajaan melalui pelaksanaan *Returning Expert Programme* (REP) telah berjaya membawa pulang bakat Malaysia berkemahiran tinggi untuk menangani isu kekurangan kemahiran kritikal di dalam negara. Usaha ini terus diwar-warkan menerusi hebahan pelbagai platform bagi menarik kembali bakat berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara untuk kembali pulang dan berkhidmat dalam negara.
  
8. TalentCorp turut bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Institut Maklumat & Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dalam menerbitkan *Critical Occupations List* (COL) pada Disember 2015 yang menggariskan kekangan kemahiran di Malaysia. Sehubungan dengan itu, COL boleh digunapakai sebagai panduan dalam memudahkan kepulauan pakar-pakar dari luar negara dengan lebih berstruktur. Untuk maklumat lanjut boleh didapati di pautan <https://www.talentcorp.com.my/facts-and-figures/critical-occupations-list>.

Sekian, terima kasih.